

Minta Jabatan Meteorologi, JPS lapor segera

IPOH – Jabatan Meteorologi dan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) diminta memberikan maklumat lebih awal berkaitan banjir bagi tahun ini supaya pemindahan terhadap mangsa yang terlibat dapat dilakukan lebih awal sebelum berlaku banjir besar.

Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Seri Dr Abdul Rahman Hashim berkata, Kerajaan Negeri mengambil langkah lebih proaktif dalam usaha menangani masalah banjir berbanding tahun-tahun sebelumnya.

“Sebelum ini mangsa-hanya dipindahkan apabila air mula naik pada tahap dua hingga tiga meter. J

“Jadi, dengan maklumat lebih awal dari pihak terbabit, kita dapat memindahkan mangsa lebih awal.

“Saya percaya dengan langkah ini akan dapat memudahkan proses pemindahan dan mungkin orang kampung sendiri boleh mengambil inisiatif dengan datang ke sendiri ke pusat pemindahan,” katanya ketika ditemui pada



sidang media selepas mem-pengerusikan Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Bantuan Bencana Negeri di sini, semalam.

Menurut Abdul Rahman, dalam laporan Jabatan Kaji Cuaca, dijangkakan hujan lebat berlaku selepas pertengahan bulan November melibatkan luar negeri Perak.

“Kedah mungkin akan mengalami keadaan tersebut, namun kesannya akan dirasai daerah Kerian dan Hulu Perak,” katanya.

Abdul Rahman berkata,

“ Saya percaya dengan langkah ini akan dapat memudahkan proses pemindahan dan mungkin orang kampung sendiri boleh mengambil inisiatif dengan datang ke sendiri ke pusat pemindahan.”

Abdul Rahman

Kerajaan Negeri juga telah bersedia dari segi profil mengenai kawasan-kawasan yang dikenali pasti banjir seperti kampung-kampung dan keluarga yang biasa terlibat.

“Kerajaan Negeri juga akan menambah baik perkhidmatan terutama dari segi pemberian bantuan kepada mangsa banjir,” katanya.

Beliau turut menyarankan pihak agensi yang terlibat turut memberi perhatian seperti polis, Jabatan Pertahanan Awam (JPA), Rel, bomba dan Jabatan Kebajikan Masyarakat.